

Langkah kurangkan kerugian penternak akuakultur

27/10/16

UTUSAN MALAYSIA



Pengusaha dinasihatkan menuai ikan yang mencapai saiz pasaran dan tidak memulakan ternakan pada musim monsun.

Mereka juga disarankan mengubah kedudukan sangkar ke kawasan selamat dan memastikan sangkar diikat kuat supaya tidak dihanyutkan air.

**ISMAIL ABU HASSAN
Ketua Pengarah Perikanan**

PUTRAJAYA 26 Okt. - Bencana banjir bukan sahaja menjaskan pendapatan golongan nelayan malah menyebabkan penternak akuakultur terpaksa menanggung kerugian disebabkan kemusnahan sangkar, kolam dan ikan mati.

Ketua Pengarah Perikanan, Datuk Ismail Abu Hassan berkata, Jabatan Perikanan telah mencadangkan dua langkah jangka pendek dan panjang bagi mengurangkan jumlah kerugian yang perlu ditanggung penternak ikan sangkar ketika musim tengkujuh.

"Pengusaha dinasihatkan menuai ikan yang mencapai saiz pasaran dan tidak memulakan ternakan pada musim monsun. Mereka juga disarankan mengubah kedudukan sangkar ke kawasan selamat dan memastikan sangkar diikat kuat supaya tidak dihanyutkan air.

"Bagi langkah jangka panjang, mereka dinasihatkan supaya menstrukturkan semula lokasi ternakan ikan serta menjalankan kajian pembangunan baka yang berdaya tahan kepada perubahan cuaca

dan penyakit," katanya di sini hari ini.

Menurutnya, penternak akuakultur dinasihatkan membuat persediaan awal bagi memastikan bekalan ikan mencukup.

Dalam perkembangan lain, Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar, Datuk Dr. Kamarudin Md. Isa berkata, Jabatan Veterinar berperanan menyediakan tindakan pantas kepada penternak melalui tindakan penge- luaran, penjualan segera dan penyembelihan haiwan ketika berlaku bencana.

"Pihaknya akan membantu melindungi ternakan dengan memberi perkhidmatan veterinar, menyediakan bekalan makanan dan mengenal pasti pusat pemindahan sementara ternakan.

"Pada masa ini, Jabatan itu telah mengenal pasti pusat pemindahan sementara di Pahang, Selangor, Kelantan dan Terengganu apabila berlaku bencana. Kawasan yang dipilih adalah ladang kelapa sawit dan tanah rizab haiwan di negeri-negeri tersebut," ujarnya.



TERNAKAN ikan dalam sangkar rosak teruk yang ditanggung pengusaha akibat bencana banjir. - BERNAMA